

**Umno Kuala Kedah Sampaikan Sumbangan Deepavali
Bernama
09 November, 2012**

ALOR SETAR, 9 Nov (Bernama) -- Umno bahagian Kuala Kedah menyediakan sumbangan makanan kepada kira-kira 3,000 keluarga India sempena Deepavali yang akan disambut penganut Hindu pada 13 Nov.

Ketua Umno bahagian, Datuk Latt Shariman Abdullah berkata sumbangan itu melambangkan kepimpinan Umno menghargai setiap kaum dan bertujuan meringankan keluarga susah menyambut hari kebesaran agama masing-masing.

"Sumbangan ini juga lambang perpaduan rakyat Malaysia yang harmoni dan saling menghormati," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan itu kepada 300 ketua keluarga masyarakat India dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit di Dewan Umno Taman Aman, Anak Bukit, di sini, hari ini.

Sumbangan yang sama disampaikan kepada masyarakat India dalam DUN Pengkalan Kundor dan pada Ahad ini untuk penduduk India kawasan DUN Kubang Rotan.

Latt Shariman berkata sumbangan tahun ini lebih istimewa kerana ia diberikan secara menyeluruh berbanding tahun-tahun sebelumnya hanya kepada pengundi yang berdaftar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=708235>